

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB. ONG AH TEONG**

24. Sila nyatakan usaha dan perancangan Majlis Bandaraya Pulau Pinang dalam pengurusan sisa makanan 'Food waste' yang digenerate oleh pengusaha-pengusaha kedai makanan..

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B KETUA MENTERI**

24. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah menjalankan beberapa usaha dalam menguruskan sisa makanan yang dijana oleh pengusaha-pengusaha kedai makanan seperti berikut:-

i) Memperuntukkan syarat pengasingan sisa makanan sebagai sebahagian kelulusan untuk mendapatkan lesen dibawah Undang-Undang Kecil Pengasingan Sampah Dan Pelesenan Perkhidmatan Pemungutan Sampah Yang Boleh Dikitar Semula MBPP tahun 2016;

ii) Mensyaratkan pihak penjana untuk menyediakan kaedah kutipan sisa makanan atau menyediakan apa-apa teknologi untuk digunakan dalam memproses sisa organik;

iii) Menyediakan khidmat pemudahcara dalam menentukan jenis mesin atau apa-apa teknologi untuk digunakan dalam proses pengasingan dan pemprosesan sisa organik tersebut. Kini, perkara ini dalam peringkat mengkaji pasaran teknologi sedia ada untuk mendapatkan maklumat teknikal, kos pemasangan serta

penyelenggaraan termasuk *buy back system*; dan

iv) Mensyaratkan semua pemajuan pasar dan kompleks makanan baru supaya menyediakan tempat untuk kitar semula dan tempat bagi pemprosesan sisa makanan selain daripada pusat untuk pelupusan sampah.